

13 MAY 2004

NAZA-BRABUS

PEMEGANG KAD PLATINUM MASTERCARD SOUTHERN BANK BELI 4 KERETA BRABUS

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) --Pemegang kad Akses Langsung Platinum

MasterCard baru-baru ini membuktikan bahawa seseorang itu tidak perlu

membawa wang tunai yang banyak untuk membeli barangan mahal.

Pada prebiu eksklusif model terbaru kereta Brabus CLK270 CDI-D4 (W209)

di Galeri Naza-Brabus di Bangsar, di sini, baru-baru ini, empat pemegang

kad Platinum MasterCard Akses Langsung Southern Bank telah membuat tempahan

bagi kereta mewah Brabus buatan Jerman itu.

Tiga tempahan belian itu adalah bagi kenderaan sport mewah Brabus

CLK270 CDID4 berharga RM550,000 dan sebuah kereta Brabus E200

Kompressor

berharga RM450.000.

Pembelian pertama adalah melalui panggilan telefon dari Indonesia

walaupun bakal pemiliknya belum memandu uji Brabus CLK270 CD itu, kerana

beliau tidak mahu terlepas peluang mendapatkan hadiah pemergian dibiayai

sepenuhnya ke Jerman, baucar bagi aksesori Brabus bernilai RM10,000 dan

satu hadiah khusus, demikian menurut satu kenyataan dari MasterCard.

"Kerjasama antara Naza-Brabus Motor dan MasterCard International merupakan penyatuan saling melengkapi antara dua jenama besar, yang menawarkan peluang yang tidak ternilai kepada pemegang kad Plantinum Southern Bank Direct Access," kata Pengarah Eksekutif Naza Brabus Sdn Bhd,

Datuk Mokhzani Mahathir.

Naza-Brabus Motor Sdn Bhd telah ditubuhkan pada Oktober 2001 untuk

membawa produk BRABUS kepada pelanggan-pelanggan di Malaysia dan Singapura.

-- BERNAMA

NMK SHY KY AHM